

# Star TV dibeli untuk bahagiakan keluarga

B.H - 6 AUG 1993

**PENGAMBILALIHAN** kepentingan majoriti dalam Star Television di Hong Kong oleh The News Corporation milik Rupert Murdoch, bertujuan menjadikan rangkaian satelit itu sebagai 'perkhidmatan yang membahagiakan keluarga Asia di rumah mereka.'

Bagaimanapun, dalam kenyataannya bagi pihak News Corporation dikeluarkan di Hong Kong semalam, L J Holloway, berkata komen dan prihatin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pengambilalihan itu, adalah diharapkan.

Timbalan Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif *South China Morning*

*Post*, Holloway berkata, pengambilalihan 64 peratus kepentingan Star TV pada harga RM1.3 bilion (AS\$500 juta) adalah berdasarkan pertimbangan komersil yang wajar tanpa mengetepikan kemungkinan timbulnya isu sensitif.

*South China Morning Post* adalah syarikat sekutu The News Corporation.

Selasa lalu, ketika bercakap kepada pemberita di Bandar Seri Begawan, Brunei mengakhiri lawatan rasmi tiga harinya, Dr Mahathir menyatakan kekusarannya mengenai Star TV yang akan menyertai media barat yang lain untuk menyebabkan perselisihan dan ketidakstabilan di rantau ini

supaya mereka dapat bersaing dengan mudah.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, majalah *Far Eastern Economic Review* yang melaporkan bahawa Malaysia bercadang menjual Limbang kepada Brunei dan kerajaan Malaysia terpaksa menyaman majalah yang berpangkalan di Hong Kong.

Menurut Dr Mahathir lagi, mengapa Murdoch mengambil alih 64 peratus kepentingan Star TV jika ia tidak bertujuan untuk menguasai apa yang kita akan terima?

Sementara itu, Holloway berkata, pihaknya peka terhadap cara kehidupan di Asia dengan budaya, sejarah dan agamanya yang unik.

"Kami tidak berniat mencampuri hal-ehwal dalaman sesebuah negara."

Beliau berkata, pihaknya ingin menyakinkan Dr Mahathir iaitu pengajaran yang didapati daripada pengalamannya di United Kingdom, menerusi British Sky Broadcasting masih jelas di fikiran ketika membuat keputusan untuk mengambil alih Star TV.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah menjai harapannya jika berpeluang menerangkan matlamat dan aspirasi pengambilalihan Star TV kepada Dr Mahathir supaya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan sedikit kemusykilannya.